

# RAHMAN BROTHERS

Memuatkan berita dan mesej daripada warga Rahman Brothers

Buletin

DIBUKA 7 HARI SEMINGGU

BILIK PAMERAN: 03-56142266

PUSAT SERVIS: 03-56142300

PROTON

It's in the Drive!

Test Drive

The New Proton ERTIGA Today!

Malaysia's 1<sup>st</sup> Compact MPV EEV

- SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2018
- CAR BOOT SALES RAHMAN BROTHERS
- BAZAAR RAYA MOOD RAYA ON
- MPH BOOK SALE
- PROTON SUV MADE A BRIEF APPEARANCE AT RAHMAN BROTHERS AUTOMOTIVE SDN BHD
- NAIKTARAF PUSAT BS RAHMAN BROTHERS AUTOMOTIVE

NASKAH PERCUMA

[f www.facebook.com/rahmanbrothers](http://www.facebook.com/rahmanbrothers) [i @rahmanbrotherseven](http://@rahmanbrotherseven) [o issuu.com/rahmanbrothers](http://issuu.com/rahmanbrothers)

Layari laman FB **rahmanbrother** dan juga laman Insta **rahmanbrotherseven** bagi mengetahui pelbagai aktiviti dan berita menarik mengenai Kumpulan Rahman Brothers Sdn. Bhd.

Terlepas baca isu-isu dalam Buletin Rahman Brothers? Layari <http://issuu.com/rahmanbrothers> bagi mengetahui isu semasa dan pembangunan perniagaan Rahman Brothers Sdn. Bhd.

# KANDUNGAN 2018

- MAJLIS IFTAR RAHMAN BROTHERS
- SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2018
- LAMAN ILMU
- RAHMAN BROTHERS MOTOR
- CAR BOOT SALES RAHMAN BROTHERS
- SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN WARGA KERJA (TEMA RETRO)
- SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN WARGA KERJA (TEMA COWBOY)
- BAZAAR RAYA MOOD RAYA ON
- MPH BOOK SALE
- PROTON SUV MADE A BRIEF APPEARANCE AT RAHMAN BROTHERS AUTOMOTIVE SDN BHD
- ZUMBA RAHMAN BROTHERS
- KELAB SUKAN DAN REKREASI KUMPULAN RAHMAN BROTHERS
- PENYERAHAN DUIT RAYA
- MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA KAKITANGAN AL IMTAR
- LAWATAN SAMBIL BELAJAR TADIKA DAN TAHAP 1 2018
- SAMBUTAN HARI GURU AL IMTAR 2018
- NAIKTARAF PUSAT 3S RAHMAN BROTHERS AUTOMOTIVE
- SUKAN TAHUNAN AL IMTAR 2018
- RAHMAN BROTHERS BIKES
- IKLAN :RUANG UNTUK DISEWA
- IKLAN : RAHMAN BROTHERS MOTOR

## Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, puji dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Warga kerja Buletin Rahman Brothers berjaya menzahirkan satu lagi penerbitan bulletin untuk tahun 2018. Tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan Sidang Redaksi dan semua yang memberi kerjasama dalam menyumbangkan cetusan idea dan kupasan informasi sehingga terbitnya naskhah ini. Penerbitan Buletin Rahman Brothers Edisi 2018 kali lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti dan peristiwa yang berlaku sepanjang tahun 2018 sebagai makluman dan perkongsian buat warga kerja semua.

Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru warga kerja Rahman Brothers untuk tampil menyumbangkan bahan penulisan yang bersesuaian untuk diterbitkan dalam BULETIN RAHMAN BROTHERS yang akan datang. Insha Allah kami di warga kerja bulletin sedang mengkaji dan merancang untuk mengemaskini bulletin Rahman brothers ini supaya ianya dapat menjadi medan perkongsian ilmu dan medan maklumat buat warga kerja semua.

Akhir sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan BULETIN RAHMAN BROTHERS Edisi 2018. Semoga penerbitan ini dapat menambahkan lagi repositori ilmu untuk dimanfaatkan bersama-sama. Sekian, terima kasih.

MUHAMMAD HAZLI BIN MANAF  
Editor




**PENAUNG** Dato'Hj. Abd Rahman Hj. Ibrahim D.S.D.K., J.P. •  
**PENASIHAT** Eni Erdawaty Dato'Hj. Abd Rahman •  
**EDITOR** Muhammad Hazli Manaf •

**URUSETIAH** Muhammad Hazli Manaf, Intan Dianna Sazali, Azura Ahamad, Noraizah Salahan, Norwidayanty Juhari •  
**GRAFIK & REKABENTUK** Muhammad Aisamuddin Hj. Zainuddin • **FOTO** Muhammad Aisamuddin Hj. Zainuddin •

**PENULIS** Sumber Berita, Sumber Laman Sesawang •

**TERBITAN** Kumpulan Rahman Brothers Sdn Bhd (Co No. : 295253-K) No. 6, Persiaran jubli Perak, Seksyen 22, 40300 Shah Alam, SELANGOR DARUL EHSAN.  
• **Telefon** +603 5614 2222 • **Faksimili** +603 5614 2233 • **Laman Facebook** rahmanbrothers • **E-mel** buletin@rahmanbrothers.com.my •  
• **E-book Buletin** <http://issuu.com/rahmanbrothers> •

# KREW BULETIN



RAHMAN BROTHERS

BULETIN RAHMAN BROTHERS  
EDISI 2018 KE-53  
Bulan Januari - Jun

## DARI MEJA PENGERUSI EKSEKUTIF



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

dan

*Selamat Sejahtera*

kepada semua warga Rahman Brothers yang saya sayangi.

Segala puji-pujian bagi ALLAH SWT yang mencipta  
dan mentadbir seluruh alam.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpahan Rahmat dan kurniaNYA, buletin RAHMAN BROTHERS Bil.1 tahun 2018 dapat diterbitkan. Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta para sahabat baginda. Semoga perjalanan kita sepanjang tahun 2018 ini membawa seribu rahmat dan berkat kepada seluruh ummah umumnya dan kepada warga RAHMAN BROTHERS khususnya. Tahniah dan ribuan terima kasih sekali lagi diucapkan kepada URUSETIA yang tidak mengenal arti jemu berusaha untuk menyiapkan buletin ini. Semoga sumbangan idea bernalas, kreatif dan kritis ini dapat diteruskan lagi bagi membantu RAHMAN BROTHERS dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada 'stakeholders' dan juga masyarakat.

Bermula dari awal tahun sehingga ke pertengahannya, pihak Pengurusan telah berjaya melaksanakan beberapa langkah mengukuhkan kestabilan syarikat agar memastikan syarikat dapat beroperasi dengan baik dan mencapai sasaran yang diperlukan. Dalam masa yang sama beberapa aktiviti-aktiviti besar berjaya dilaksanakan untuk memperkenalkan Rahman Brothers kepada umum dan menarik perhatian pelanggan untuk memilih Rahman Brothers sebagai sebuah syarikat yang dipercayai dan diyakini.

Pelan Pembangunan Strategik RAHMAN BROTHERS untuk masahadapan yang dirancang diusahakan akan menjadi bukti kepada agenda syarikat untuk mengorak langkah dan bergerak dalam menuju kejayaan. Kesiapsiagaan seluruh warga kerja dalam mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan lebih menguatkan minda dan usaha untuk meneruskan perjuangan syarikat yang masih belum selesai. Sebagai tunggak kepada kejayaan RAHMAN BROTHERS, saya sering mengingatkan warga kami supaya sentiasa ikhlas dan beristiqomah dalam menjalankan tanggungjawab kerana dengan niat yang betul dan usaha yang berterusan, RAHMAN BROTHERS sudah pasti akan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Akhir kalam, saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah sekali lagi kepada seluruh warga RAHMAN BROTHERS yang telah menabur bakti, menyumbang idea dan tenaga dalam meneruskan misi syarikat sebagai sebuah syarikat yang mampu bersaing dan berganding bahu dalam usaha memantap dan memartabatkan kestabilan syarikat. Bersabarlah dengan ujian, teguhkanlah pendirian, kerana yang batil itu akan musnah, jalan kebenaran pasti muncul dan terbentang jua akhirnya.



**DATO' HJ. ABD RAHMAN HJ. IBRAHIM D.S.D.K., J.P.**

PENGERUSI EKSEKUTIF  
*Kumpulan Rahman Brothers Sdn. Bhd.*

## MAJLIS IFTAR RAHMAN BROTHERS

Oleh : NORAIZAH SALAHAN

**25 MEI 2018** - Sempena bulan ramadhan tahun ini pihak syarikat Rahman Brothers tidak melepaskan peluang menganjurkan majlis iftar buat warga kerja sebagaimana tahun-tahun yang lepas. Majlis ini seperti biasa untuk mengimarahkan bulan ramadhan dan antara cara untuk mengertakan ukhwah di kalangan warga kerja Rahman Brothers. Kali ini majlis iftar Rahman Brothers berlangsung di Hotel De Palma Shah Alam. Pelbagai aneka juadah disediakan pihak hotel termasuk perkongsian ilmu daripada penceramah agama jemputan dan diakhiri dengan persembahan nyanyian daripada artis-artis tempatan yang memeriahkan lagi majlis iftar ini. Semua warga kerja yang hadir dengan berbaju melayu bagi warga lelaki manakala warga wanita dilihat berbaju kurung berwarna warni dilihat seronok memilih dan menikmati juadah yang disediakan. Semoga majlis sebegini diteruskan pada tahun-tahun hadapan.



# SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA 2018

Oleh : NORAIZAH SALAHAN

**H**ari ini tanggal 8 Mac 2017, satu dunia bersatu dalam menyambut hari yang berasaskan sejarah, iaitu Hari Wanita Sedunia 2018 yang mana ia merupakan hari untuk memberi sokongan dan pengiktirafan terhadap sumbangan dan peranan wanita dalam pembangunan masyarakat dunia. Sehubungan dengan itu, warga wanita Rahman Brothers tidak melepaskan peluang untuk meraikannya dengan berlangsungnya sambutan hari Wanita Sedunia peringkat Wisma Rahman Brothers Shah alam pada pagi hari ini. Program anjuran unit Pengurusan Majlis Rahman Brothers diserikan dengan pelbagai aktiviti untuk warga wanita seperti Zumba, pertandingan menukar tayar kendaraan oleh warga wanita dan berbagai acara lain lagi khusus untuk wanita. Warga kerja lelaki juga tidak dilupakan dan turut mengambil bahagian dalam pertandingan menukar tayar kendaraan tersebut. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Puan Erni Erdawaty Dato' Hj Abd Rahman, Naib Presiden Pengurusan Perkhidmatan kepada pemenang-pemenang acara pertandingan menukar tayar kendaraan paling pantas.



**“SELAMAT HARI WANITA SEDUNIA 2018”  
buat seluruh warga kerja wanita di Rahman Brothers.**



## WANITA

Engkaulah isteri, ibu, anak, ibu mertua, kakak ipar, adik perempuan.  
Engkaulah sinar kepada keluargamu.  
Setiap Hari engkau berhempas pulas menyiapkan apa yang patutut  
untuk anak-anak dan keluarga.  
Celik sahaja mata engkau tangkas memanikan peranamu.  
Segala perit getir engkau telan dengan hati yang redha.  
Pengorbananmu sememangnya tak terbalas.  
Doamu sentiasa menjadi dambaan.  
Hanya engkaulah wanita yang menjadi kesayangan semua orang  
selama-lamanya.



**P**rogram **KULIAH DHUHA** yang diadakan pada setiap hari jumaat antara 9.00 pagi hingga jam 11.00 pagi ini diteruskan untuk mendidik dan memberi ilmu pengetahuan kepada warga kerja yang beragama Islam. Ia merupakan program yang diadakan untuk menunaikan tanggungjawab majikan kepada warga kerja yang majoritinya beragama Islam untuk menimba ilmu dan pengetahuan serta dapat meningkatkan keimanan kepada ALLAH SWT. Pada tahun 2018 ini laman Ilmu Rahman Brothers telah menjemput penceramah-penceramah hebat setiap minggu untuk menyampaikan ceramah-ceramah keagamaan mengikut tajuk yang diberikan. Adalah menjadi harapan tinggi agar Laman Ilmu ini dapat memberikan kebaikan dan menjadi sumber ilmu pengetahuan buat warga kerja Rahman Brothers.



**14 MEI 2018 (ISNIN)** - Sempena menyambut bulan ramadhan, Laman Ilmu kali ini menjemput **Y.Bhg. Ustaz Haslim Baharum**, Penceramah yang tidak asing lagi dan cukup dikenali semua untuk menyampaikan ceramah bertajuk "**Persediaan Menjalani Ibadah Puasa**" dalam bulan Ramadhan. Alhamdulillah kehadiran warga kerja juga cukup memberangsangkan dan semuanya kusyuk mendengar ceramah yang disampaikan. Bulan Ramadhan juga menjadi bulan yang paling dirindukan oleh umat Islam dan banyak yang menyebutnya sebagai bulan seribu bulan. Dalam bulan ramadhan ini ada 5 keistimewaan iaitu Bulan diturunkannya Al-Qur'an, Amal shaleh yang berlipat ganda, Bulan penuh barakah, Bulan pengampunan dosa dan dikabulkannya doa-doa dan Terdapat malam Lailatur Qadar. Ustaz Haslim juga menyampaikan beberapa tips untuk mengimarahkan bulan ramadhan kepada warga kerja untuk diamalkan. Semoga semua kerja dapat manfaat daripada ceramah yang disampaikan dan meningkatkan keimanan kita kepada Allah. Inshaa Allah.



#### 6 APRIL 2018 (JUMAAT)

Laman Ilmu Rahman Brothers menjemput Y.Bhg. Al Fadzil ustaz Dusuki Abdul Rani ke wisma Rahman brothers, shah alam untuk menyampaikan ceramah bertajuk "**Mengingati MATI**" sempena kedatangan bulan Ramadhan. Kepetahan beliau berbicara dan menghuraikan isi kandungan tajuk yang diberikan membuatkan warga kerja merasa tidak bosan dan mendapat manfaat daripadanya.

*Mengingati MATI adalah sunat,  
meminta MATI adalah haram.*



**13 APRIL 2018 (JUMAAT)** - Sempena sambutan Israk Mikraj yang jatuh pada tarikh 14 April 2018 tahun ini, pihak laman ilmu telah menjemput **Pencetus Ummah Ustaz Rahmat bin Iksan** atau lebih popular dikenali sebagai PU Rahmat. Dengan tajuk yang diberikan iaitu "**Israk Mikraj Menguji Keyakinan**" telah dihuraikan dan disampaikan dengan baik dan jelas oleh PU Rahmat. Ceramah beliau yang berlangsung lebih 1 jam tidak dirasakan oleh semua warga kerja yang hadir kerana kepetahan beliau berceramah dan menceritakan kisah-kisah yang berlaku dalam peristiwa Israk mikraj. Yang lebih merujukan warga kerja adalah kupasan peristiwa Israk mikraj tersebut dari satu sudut yang berbeza daripada ceramah-ceramah yang didengari sebelum ini. Semoga semua warga kerja dapat mengambil teladan dan kebaikan untuk meningkatkan keimanan kepada Allah SWT, Inshaa Allah.

**S**ebagai sebuah syarikat pengimport kereta terpakai antara yang terkenal di Malaysia. **Rahman Brothers Motor (RBM)** sering mengimport kereta-kereta berjenama hebat seperti Mercedes Benz, BMW, Mini Coopers, Ford Mustang, Honda Odyssey, Toyota: Vellfire, Alphard, Estima, Harrier. Disamping itu juga RBM dibawah anak syarikatnya iaitu **Rahman Brothers Bikes (RBB)** juga mengimport motor2 berkuasa besar berjenama yang kebanyakkan diimport dari negara pengeluar seperti USA dan Jepun. Model2 seperti Harley Davidson, Aprilia, Ducati, Honda, Suzuki adalah menjadi satu kemestian kerana jenama-jenama ini menjadi pilihan kepada pengemar Motorsikal berkuasa tinggi di Malaysia. Disamping itu RBB juga menubuhkan sebuah kelab permotoran **RBBC** singkatan kepada **"Rahman Brothers Bikes Community"** yang sering menjalankan kerja-kerja amal untuk yang memerlukan disekitar Kuala Lumpur dan Shah Alam. Disamping membuat jualan di pusat pameran kami sendiri yang terletak di Seksyen 22 Shah Alam, RBM juga sering mengadakan jelajah jualan diluar seperti di festival-festival tahunan juga di pusat-pusat membeli belah contohnya di Plaza Massalam yg berada ditengah-tengah bandar Shah Alam. Ini akan lebih mendekatkan lagi RBM kepada pelanggan-pelanggan diluar kawasan dan secara tak langsung ini akan mengangkat jenama RBM kepada masyarakat luar.

## RAHMAN BROTHERS MOTOR

Oleh : ABD HAMID SAAD



▲ Pameran jelajah jualan RBM di Plaza Masalam, Shah Alam.



▲ Pelbagai jenis jenama kereta mewah di pusat pameran RBM Seksyen 22, Shah Alam

## RAHMAN BROTHERS EVENT | Seksyen 22 SHAH ALAM

## CAR BOOT SALES RAHMAN BROTHERS

Oleh : AZURA AHAMAD

**11 OGOS 2018 (SABTU)** - Bahagian Pengurusan Majlis Rahman Brothers telah mengambil inisiatif merancang dan menggunakan ruangan yang ada di Wisma Rahman Brothers Shah Alam untuk menarik lebih ramai pengunjung dan memperkenalkan Rahman Brothers kepada umum. Justeru itu, penganjuran Carboots Sales yang semakin dikenali ini menjadi pilihan untuk dianjurkan di **Wisma Rahman Brothers**. Penganjuran Carboots Sales ini berlangsung pada 11 Ogos 2018 (Sabtu) bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengahari. Untuk pertama kalinya pihak Pengurusan Majlis berjaya mendapatkan peniaga Carboots Sales ini dan bekerjasama dengan Penyelaras Carboots Sales, Encik Sofian untuk mendapatkan dan menarik peniaga bagi penganjuran kali ini. Promosi dan pemasaran dilakukan sendiri oleh unit pengurusan majlis melalui, media massa, flyers, media sosial seperti FB, Instagram dan orang persorangan dalam tempoh 2 minggu sebelum tarikh penganjuran. Sebanyak 26 unit kenderaan jualan menyertai penganjuran Carboots Sales Rahman Brothers ini. Pelbagai barang dan jualan kebanyakannya pakaian, barang kelengkapan rumah, produk kecantikan, makanan, pakaian kanak-kanak dan banyak lagi. Aktiviti lain juga turut diadakan pada hari-hari tersebut antaranya Senamrobik, Zumba dan Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak bagi memeriahkan suasana. Dianggarkan antara 100 - 200 pengunjung telah mengunjungi Carboots Sales Rahman Brothers yang julung-julung kali diadakan ini. Melihat kepada sambutan yang begitu memberangsangkan Unit Pengurusan Majlis akan meneruskan penganjuran Carboots Sales ini pada setiap hujung bulan di Wisma Rahman Brothers, Shah Alam.



## SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN WARGA KERJA

Oleh : NORAIZAH SALAHAN

**29 JANUARI 2018 (ISNIN)** - Sambutan Hari Ulangtahun Kelahiran warga kerja tetap diteruskan dan kini penganjurannya di bawah pasukan Pengurusan Majlis dengan pemantauan Bahagian Pentadbiran. Kelangsungan program-program seumpama ini diteruskan untuk menunjukkan keperihatinan syarikat dan pengurusannya terhadap warga kerja yang telah memberi sumbangan terbaik untuk syarikat. Tahun 2018 ada perubahan dari segi tema pemakaian yang mana warga kerja diminta bekerjasama untuk memastikan mengenakan pakaian mengikut tema yang dipilih. Tema untuk sambutan ulangtahun kelahiran bagi bulan Januari 2018 hari ini adalah bertemakan "**Retro**". Rata-rata tema ini mudah digayakan dan hampir semua warga kerja yang hadir menggayakan tema yang dipilih. Pertandingan Pakaian tercantik dan mengikut tema turut diadakan untuk menghargai semangat dan keperihatinan warga kerja. Selain sessi potong kek yang menjadi kebiasaan, pemberian saguhati oleh Naib Presiden Pengurusan Perkhidmatan kepada warga kerja yang menyambut ulangtahun kelahiran pada bulan januari 2018 turut dinanti oleh warga kerja.





▲ Pemenang Pakaian mengikut Tema.




## SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN WARGA KERJA

Oleh : NORAIZAH SALAHAN

**26 APRIL 2018 (KHAMIS)** - Warga kerja yang menyambut ulangtahun kelahiran pada bulan Februari, Mac dan April telah diraikan pada hari ini dengan pemilihan tema "Cowboy". Tiada perubahan kepada acara majlis tetapi kemeriahannya dapat dirasa oleh semua warga kerja yang hadir dengan mengenakan pakaian ala Cowboy dilengkapi dengan topi, bandana, seluar jeans, boots dan macam-macam lagi. Pihak pengurusan tertinggi syarikat juga tidak ketinggalan untuk mengenakan pakaian ala cowboy untuk sama-sama memberi semangat kepada semua warga kerja.





▲ Pemenang Pakaian mengikut Tema.

## BIRTHDAY CELEBRATION COWBOY THEME



DEAD OR ALIVE  
**WANTED**



## BAZAAR RAYA MOOD RAYA ON

Oleh : NORAIZAH SALAHAN &amp; AZURA AHAMAD

**S**empena musim perayaan Hari Raya Puasa tahun ini, pihak pengurusan majlis telah menganjurkan expo yang bertemakan “Mood Raya On” yang merupakan event pertama kali seumpamanya dianjurkan oleh pihak syarikat. Expo yang diadakan selama 2 hari iaitu pada 9 & 10 Jun 2018 itu bertempat di dalam ruangan bilik pameran kendaraan kenderaan terpakai RBM. Perancangan rapi termasuk penyediaan tempat, pemasaran dan pengiklanan telah pun dibuat sebelum bermulanya bulan Ramadhan lagi. Idea untuk menganjurkan Expo ini adalah datangnya daripada Puan Erni Erdawaty yang antara objektif utamanya adalah untuk menarik ramai pengunjung dan memperkenalkan kepada umum Rahman Brothers dengan mengambil peluang musim perayaan besar yang pastinya akan menarik pengunjung untuk mendapatkan barang keperluan untuk berhari raya.

Expo ini diselia oleh Encik Muhamad Hazli bin Manaf sebagai Pengurus Majlis dan dibantu oleh krew Bahagian Penganjuran Majlis Rahman Brothers iaitu Puan Azura Ahamad, Cik Intan Dianna, Puan Haizah, Puan Norwidayanti, Encik Aisamuddin, Encik Firdaus dan Cik Erin. Expo ini berjaya menarik ramai peniaga barang untuk kelengkapan dan keperluan Hari Raya menyertai dan memenuhi kiosk-kiosk yang disewakan antaranya, Pakaian, Kuih-kuih Raya, Barang-barang Kecantikan, perhiasan dan bermacam-macam lagi. Pihak penganjur juga turut menyediakan ruangan khas untuk peniaga Carboots dan juga Foodtruck di luar perkarangan bilik pameran RBM dan mendapat sambutan yang menggalakkan.



**BAZAAR RAYA**  
*LamanRaha*  
RAHMAN BROTHERS



Expo yang menggunakan tarikan tema “Mood Raya ON” ini dibuka pada seawal jam 10.00 pagi hingga 10 malam telah menarik ramai pengunjung pada hari pertama dan kedua untuk mendapatkan barang keperluan raya masing-masing. Tidak ketinggalan warga kerja Rahman Brothers juga turut hadir memberi sokongan dan memeriahkan lagi expo berkenaan. Kemeriahannya ditambah lagi dengan kehadiran artis popular **Izara Aisyah** yang membuat penampilan khas mempromosi produk kosmetik beliau. **“MADAME”** pada hari pertama Expo yang turut dijual pada expo tersebut. Para pengunjung tidak melepaskan peluang beramah mesra dan bergambar dengan beliau untuk dijadikan kenangan.

Pihak pengurusan syarikat mengucapkan jutaan terima kasih kepada krew-krew expo yang terlibat atas sumbangan dan kerja keras mereka maka expo ini dapat direalisasikan dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Inshaa Allah berjumpa lagi di Expo **Mood Raya On** tahun hadapan yang menjanjikan lebih kemeriah dan lebih barang dan keperluan untuk memenuhi keperluan pengunjung. SYABAS diucapkan kepada Pasukan Pengurusan Majlis Rahman Brothers.

## BAZAAR RAYA MOOD RAYA ON



Tidak sempat atau ketinggalan untuk membaca berita mengenai Rahman Brothers yang lepas? Layari

[issuu.com/rahmanbrothers](http://issuu.com/rahmanbrothers) | 13



# MPH BOOKS SALE

**31<sup>ST</sup> JANUARY 2018 TO 11<sup>TH</sup> FEBRUARY 2018**

By : INTAN DIANNA SAZALI

MPH Bookstores Sdn Bhd's outlet located at Giant Section 13, Shah Alam has rented our space in Wisma Rahman Brothers, Shah Alam. The much-awaited MPH Book Sales has returned with more great deals, discounts as well as exciting events. It commenced on 31st January 2018 until 11th February 2018. MPH Book Sales is the BACK TO SCHOOL event that wraps up with discounted up to 75% for selected items. The book sales sells all kind of books genres, for example fiction, non-fiction, novels, literature, children's literature and young adult fiction. It also sells merchandise including collectible books and their own merchandise. Mr. Faizul, Outlet's Manager said that the outlet achieved the expectation of revenue in 11 days book sales.



# PROTON SUV MADE A BRIEF APPEARANCE AT RAHMAN BROTHERS AUTOMOTIVE SDN BHD

By : INTAN DIANNA SAZALI

**FEBRUARY 4, 2018** - Proton dealer Rahman Brothers Automotive Sdn Bhd in Shah Alam had a very short preview of the upcoming Proton SUV. This is the second time the Proton SUV has been previewed to be public, after the first event up north early January 2018. The Proton SUV that was displayed during this preview is actually still a Geely Boyue, as the steering position is left hand drive position. The vehicle was heavily taped up with camouflage; at the front, the sides and quite heavily at the back. The doors to the vehicle were locked thus no photos of the interior was taken. Based on observation, the Geely Boyue / Proton SUV looks a tad smaller than the popular Japanese SUVs and quite well proportioned. It was also announced to public that the preview vehicle is not a true representation of the actual Proton SUV.

YBhg. Dato' Abd Rahman Bin Hj Ibrahim, Executive Chairman who participated in the event was so excited with the new product from Proton and foresee that Proton's market will be increased and this is part of the national carmaker's turnaround programme back to profitability. We have received tremendous crowd whose came and participated in the event. We have used social media medium to attract prospects to come to our showroom for this preview.



# ZUMBA RAHMAN BROTHERS

Oleh : PN NORWIDAYANTY JUHARI



Mulanya Rahman Brothers Media menganjurkan aktiviti kecergasan pada April, 2017. Rahman Brothers Media peka dengan aktiviti kerohanian ini seperti Berzumba. Program ini dipupuk dalam kalangan kakitangan Rahman Brothers dan juga sokongan keluarga serta dari rakan-rakan kakitangan Rahman Brothers.

Rahman Brothers Media menganjurkan aktiviti zumba setiap tiga (3) kali dalam sebulan. Melalui aktiviti kecergasan ini telah mendapat sambutan yang mengalakkkan dan dapat membantu mereka menjalani gaya hidup sehat, serta menghindari tekanan atau stress di tempat kerja. Analisis awal ini menunjukkan bilangan pertengahan umur mempunyai masalah kesihatan seperti obesiti dan penyakit-penyakit lain.

Jelaslah di sini bahawa melibatkan diri dalam aktiviti kecergasan ini, banyak membawa faedah kepada kita. Oleh itu, sudah pasti mereka akan menghabiskan masa aktiviti kecergasan ini dengan lebih bermanfaat. Sehubungan itu, Rahman Brothers Media mengundang dua (2) orang Profesional Zin bagi sumbangan aktiviti kecergasan ini.



Zin Ijan nama sebenarnya Muhammad Ramdzan B. Mohd Ayob berasal dari Perak berumur 29 thn dan masih bujang. Beliau telah berkhidmat selama 4 tahun di PR1MA M'sia sebagai Associate Land Management. Zin Ijan berkecimpung dalam dunia Zumba sejak Jan, 2017.



Nama sebenar Zin Ean, Mohd Allfian B. Jummaat berasal dari Penang. Beliau berumur 32 tahun dan masih bujang. Beliau berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri sebagai Penguatkuasa selama 8 tahun. Zin Ean telah berkecimpung dalam dunia Zumba sejak 2016

## ZUMBA RAHMAN BROTHERS



# KELAB SUKAN DAN REKREASI KUMPULAN RAHMAN BROTHERS

Oleh : ANUAR BIN MOHD TAIB

**28 MAC 2018** - Kelab Sukan dan Rekreasi Kumpulan Rahman Brothers telah mengadakan perlawanan persahabatan antara **RB FC** dengan **PANASONIC SENIOR FC**. Perlawanan ini diadakan bertempat Stadium Panasonic Seksyen 22 Shah Alam. Perlawanan ini diwakili oleh warga kerja yang bekerja di rahman brothers sendiri. Keputusan perlawanan tersebut berkesudahan dengan kekalahan (**1 - 3**) berpihak kepada pasukan lawan.



## KELAB SUKAN DAN REKREASI KUMPULAN RAHMAN BROTHERS

**25 APRIL 2018 - RB FC vs SIRIM FC** perlawanannya persahabatan bertempat di Stadium Mini Sirim. Alhamdullillah semua warga kerja dapat melibatkan diri ketika perlawanannya ini diadakan demi mengeratkan lagi silaturahim antara warga kerja. Keputusan perlawanannya berkesudahan seri (**3 - 3**). Aktiviti riadah ini akan berterusan dan pelbagai aktiviti yang lain akan dilakukan untuk masa akan datang. Majulah sukan untuk Kelab Sukan dan Rekreasi Kumpulan Rahman Brothers.



# PENYERAHAN DUIT RAYA

Oleh : MUHAMMAD HAZLI MANAF

**13 JUN 2018 (RABU)** - Hari ini Warga kerja di Wisma Rahman Brothers menerima kejutan di musim perayaan ini apabila **Puan Erni Erdawaty binti Dato' Hj Abd Rahman**, Naib Presiden Pengurusan Perkhidmatan bersama-sama pihak sumber Manusia mengambil inisiatif turun padang bertemu dengan warga kerja setiap bahagian dan sektor untuk mengucapkan Selamat Hari Raya dan juga menyampaikan sumbangan duit raya daripada syarikat. Kata Puan Erni, dia ingin mengucapkan dan menyerahkan sendiri ucapan dan sumbangan duit raya tersebut dan bartanya khabar serta mengenali semua warga kerja.

Tindakan beliau itu adalah amat baik sekali dan menunjukkan keperihatinan pihak pengurusan kepada warga kerja dan sebagai sebuah keluaga yang memerlukan antara satu sama lain. Ini dapat menguatkan lagi semangat berpasukan dikalangan warga kerja dan pihak pengurusan serta mewujudkan keharmonian dalam suasana Pekerjaan yang perlu diteruskan di dalam pengurusan syarikat. Warga kerja yang ditemui rata-rata melahirkan perasaan gembira dapat berkenalan dan beramah mesra dengan pihak pengurusan syarikat. Dengan ini pihak pengurusan mengucapkan "**SELAMAT HARI RAYA**" kepada semua warga kerja dan bergembira bersama-sama keluarga di kampung halaman masing-masing.



# MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA KAKITANGAN AL IMTAR

Oleh : MOHD SHUKRI MD YATIM



**A**L IMTAR telah mengadakan majlis berbuka puasa bersama kakitangan Al Imtar pada 5 Jun 2018 bersamaan 21 Ramadhan 1439H bertempat di Restoran Andalus Ampang, Selangor. Majlis tersebut diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan kakitangan AL IMTAR.

Ini juga merupakan salah satu cara untuk menghayati bulan Ramadan dan salah satu aktiviti AL IMTAR untuk lebih mendekati semua kakitangan di Pusat Pengajian Islam Al Imtar. Pada majlis itu, Semua kakitangan menikmati hidangan berbuka puasa dengan air dan kurma terlebih dahulu. semua kakitangan bersama En. Mohd Shukri bin Md Yatim turut menunaikan solat Maghrib. Selepas Maghrib, semua kakitangan menikmati pula jamuan nasi Arab dan hidangan yang lain dengan penuh selera.

Seterusnya, En. Mohd Shukri bin Md Yatim juga memberikan sedikit ucapan sebagai pembukaan majlis ini. Beliau menjelaskan bahawa tujuan utama majlis ini diadakan adalah untuk meraikan bulan Ramadhan selain mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Selepas itu, penyampaian cenderahati oleh En. Mohd Shukri bin Md Yatim selaku Guru Besar Al Imtar kepada guru praktikal yang bersama-sama memberikan sumbangan tenaga dan ilmu kepada murid-murid di Al Imtar. Walaupun tidak banyak acara semasa majlis berlangsung, semua kakitangan sempat beramah mesra antara satu sama lain sambil menikmati hidangan.

Majlis berbuka puasa diakhiri dengan acara bergambar. Semua kakitangan Al Imtar sempat bergambar bersama-sama sebagai kenangan bersama. Majlis ini berjalan lancar dengan kehadiran semua guru dan kakitangan Al Imtar dalam menjayakannya. Majlis berbuka Puasa ini merupakan satu petunjuk hubungan kemesraan dan perpaduan tenaga secara kerjasama antara semua pihak terus terbina kukuh. Semoga usaha yang dijalankan ini dapat mencapai matlamatnya bukan sahaja dalam mencapai keberkatan Ramadhan tetapi yang lebih penting mendapat kejayaan Syurga hakiki di akhirat kelak.

# LAWATAN SAMBIL BELAJAR TADIKA DAN TAHP 1 2018

Oleh : MOHD SHUKRI MD YATIM

**P**rogram lawatan sambil belajar merupakan salah satu aktiviti tahunan Pusat Pengajian Islam Al Imtar. Lawatan sambil belajar merupakan salah satu cara dalam kaedah pembelajaran kepada anak-anak tentang persekitaran mereka.

Pada 19 April 2018 bersamaan 2 Sya'aban 1439H, Pusat Pengajian Islam Al Imtar telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar bagi **murid tadika** dan **murid Tahap 1**. Bermula jam 7.00 pagi, ibu bapa mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah untuk menyertai lawatan ini. Kehadiran murid-murid ke sekolah di sambut oleh guru-guru pengiring. Seramai 43 orang murid dan 8 orang guru pengiring yang menyertai lawatan ini. Bas yang di naiki memulakan perjalanan dari sekolah pada jam 8. Lawatan pada kali ini membawa murid menimba pengalaman di **Pusat Sains Negara, Kilang Kek Lapis** dan **I-City Trick Art** dan **Snow Walk**.

Destinasi pertama kami adalah ke Pusat Sains Negara. Murid didedahkan dengan pengalaman serta permainan yang berunsurkan sains serta berpeluang melihat sendiri proses sains yang terjadi seperti penghasilan cahaya, kejadian pelangi, kemandirian alam hidupan serta fungsi-fungsi yang terdapat di dalam dunia-dunia pembuatan kendaraan darat, udara dan air. Lawatan selama sejam itu juga memberi peluang kepada mereka memahami proses sains.





Destinasi seterusnya adalah ke **Kilang pembuatan kek lapis**. Murid dapat melihat sendiri proses pembuatan kek lapis yang ditunjukkan oleh pekerja di kilang tersebut. Semua murid tekun dan kagum melihat proses pembuatan kek lapis ini. Murid juga dapat merasai keenakan kek lapis yang dihasilkan dan murid juga boleh membeli kek lapis yang ada terjual di kilang tersebut.



Destinasi terakhir untuk lawatan kali ini adalah ke **I-City Trick Art** dan **Snow Walk** yang terletak di I-City Shah Alam. Murid berpeluang melihat sendiri keunikan lukisan berbentuk 3 dimensi (3D) dimana lukisan dinding yang dilukis seolah-olah murid berada di dalam suasana atau keadaan yang sebenar. Murid juga berpeluang untuk mengambil gambar di I-City Trick Art. Seterusnya, murid menuju ke I-City Snow Walk untuk merasai pengalaman seolah-olah berada di negara yang mempunyai iklim sejuk. Murid dibekalkan dengan jaket tebal, sarung tangan dan sarung kaki, murid diberi peluang bermain dan merasai kesejukan salji buatan.



Pelbagai pendedahan dan pengalaman baru dirasai oleh 43 orang murid Pusat Pengajian Islam Al Imtar sepanjang mengikuti lawatan sambil belajar. Mungkin ada antara murid-murid ini tidak pernah membuat lawatan sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Kali ini, mereka diberi peluang merasai pengalaman sendiri dan secara tidak langsung dapat pendedahan baru. Pengalaman baru yang diperolehi oleh murid pada sesi lawatan pada kali ini sesuatu yang sangat berharga buat mereka dalam meniti kehidupan yang mendatang. Walaupun masing-masing kepenatan namun di wajah mereka jelas terpancar kegembiraan dan kepuasaan kerana dapat berjalan bersama rakan-rakan dan guru-guru. Disamping kegembiraan dan pengalaman yang diperolehi, aktiviti lawatan ini juga diharapkan dapat menambahkan ilmu pengetahuan murid-murid disamping memupuk perkembangan jasmani, rohani, emosi, intelek dan sahsiah selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## SAMBUTAN HARI GURU AL IMTAR 2018

Oleh : MOHD SHUKRI MD YATIM



**S**ambutan Hari Guru setiap tahun melambangkan penghargaan besar negara dan masyarakat kepada guru di atas jasa dan bakti mereka. Ia juga menunjukkan kerjaya guru adalah mulia kerana sentuhan daripada mereka berjaya melahirkan ramai tokoh yang berjaya. Setiap tahun sudah semestinya akan ada tema hari guru. Oleh itu, tema '**GURU PEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN**' bagi menyambut Hari Guru 2018. Guru merupakan individu penting serta berperanan sebagai pendidik yang mendorong, membimbing dan membentuk murid.

Pada 15 Mei 2018 bersamaan 29 Sya'aban 1439H, AL IMTAR telah mengadakan sambutan Hari Guru di mana pada majlis tersebut semua guru diberi penghormatan dan pengiktirafan bukan sahaja daripada murid dan pentadbir sekolah. Sambutan hari guru pada tahun ini, dimulakan dengan acara bacaan yasin dan doa selamat. Seterusnya jam 9.30 pagi, majlis dimulakan dengan bacaan doa dari wakil pelajat Tahfiz. Wakil murid sempat memberikan ucapan hari guru kepada semua guru bagi mewakili semua murid AL IMTAR.



Acara diteruskan dengan ucapan aluan oleh En. Mohd Shukri bin Md Yatim selaku Guru Besar Al Imtar. Beliau melihat kreativiti murid mengadakan pelbagai program bagi meraikan guru kesayangan mereka di sekolah. Ada yang membawa bunga dan kad sebagai hadiah bagi menghargai guru dan tidak ketinggalan ada ibu bapa yang memberi kad ucapan sebagai penghargaan kepada guru atas pengorbanan mendidik anak mereka. "Usaha seperti ini memberi kesan positif apabila pelajar tahu untuk menghargai dan berterima kasih kepada guru kerana tanpa guru mereka tidak akan dapat membaca dan mengira," katanya. Sehubungan itu, beliau juga menasihatkan guru supaya tidak berputus asa mendidik pelajar sekali pun ada ketikanya dikritik hebat. Selesai ucapan aluan guru besar, semua guru membaca ikrar dan menyanyikan lagu Tema dan Lagu Guru Malaysia. Selain lagu tema hari guru, guru juga mencipta lagu untuk hari guru dan menyanyi bersama-sama pada hari itu. Melihat guru-guru bersemangat berikrar dan menyanyi dengan sepenuh hati mereka.

Acara diteruskan lagi dengan persembahan murid, nyanyian lagu menjadi pilihan murid-murid AL IMTAR untuk persembahkan kepada guru-guru. Seterusnya acara deklamasi Sajak dan kumpulan Soutul Imtar menyampaikan Lagu Nasyid. Sambutan hari guru tahun ini amatlah meriah dengan persembahan dari murid-murid. Sesi penyampaian hadiah berlangsung setelah selesa semua persembahan. En. Mohd Shukri bin Md Yatim selaku guru besar menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Acara Mewarna Tahap 1. Selain itu, acara penyampaian hadiah tanda terima kasih dan cabutan Karakter guru di mana guru menyediakan hadiah dan bertukar hadiah antara satu sama lain mengikut cabutan. Sambutan hari guru diakhiri dengan acara pemotongan kek sempena sambutan hari guru 2018. Semua guru, kakitangan AL IMTAR serta murid-murid bersama-sama menyempurnakan pemotongan kek. Tahniah dan Ribuan terima kasih kepada guru-guru dan kakitangan Al Imtar bertungkus lumus menyempurnakan sambutan hari guru pada kali ini.

### SELAMAT HARI GURU



## NAIKTARAF PUSAT 3S RAHMAN BROTHERS AUTOMOTIVE

Yang berusaha En.Abdul Rashid Musa, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON Edar bersama wakil Proton melawat Pusat 3s Rahman brothers Automotive bagi memastikan semua kerja2 penaitaraf berjalan lancar.



# SUKAN TAHUNAN AL IMTAR 2018

Oleh : MOHD SHUKRI MD YATIM



Pusat Pengajian Islam AL IMTAR telah mengadakan Temasya Sukan Tahunan AL IMTAR bagi sesi 2018 pada 5 Mei 2018 bersamaan 19 Sya'aban 1439H bertempat di Kompleks Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur.

**S**eawal jam 7.00 pagi, Ibu Bapa bersama murid-murid Al imtar mula memenuhi ruang astaka Kompleks Sukan Kampung Pandan. Ramai ibu bapa yang hadir bagi menaikkan lagi semangat kesukaran anak-anak mereka. Ibu bapa juga turut dijemput untuk sama-sama melihat aktiviti sukan dan secara tidak langsung mengeratkan hubungan ibu bapa dengan Pihak Sekolah. Murid-murid mula berkumpul di depan khemah rumah sukan masing-masing untuk memulakan senamrobik sebagai pemanas badan bersama guru yang mengetuai senaman tersebut.

Acara Dimulakan Dengan Bacaan Doa Oleh Wakil Pelajar Tahfiz sebagai pembukaan Temasya Sukan Tahunan Al Imtar. Seterusnya acara perbarisan lintas hormat. Semua murid yang menyertai perbarisan ini berbaris dengan bersungguh-sungguh demi mengharumkan nama rumah pasukan masing-masing. Rasa bangga dengan murid-murid yang sanggup memerah keringat demi menjayakan temasya sukan kali ini. Seterusnya, acara Bacaan Ikrar oleh Ketua Murid, Nyanyian Lagu Negaraku, dan Lagu Al Imtar.



## SUKAN TAHUNAN AL IMTAR 2018

Acara diteruskan dengan ucapan aluan oleh En. Mohd Shukri bin Md Yatim selaku Pengurus Yayasan Sedhar merangkap Guru Besar Al Imtar. Beliau berkata, sukan itu diadakan secara tahunan sebagai salah satu cara mencungkil bakat murid dalam aktiviti sukan. Beliau mahu murid-murid bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga boleh bersukan dan secara tidak langsung menonjolkan bakat mereka.

Temasya Sukan Tahunan AL IMTAR pada kali ini dirasmikan oleh **Y.BHG. DATO HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. IBRAHIM D.S.D.K., J.P** selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sedhar merangkap Pengerusi Eksekutif Kumpulan Rahman Brothers Sdn.Bhd. Sebelum beliau merasmikan majlis ini, beliau sempat memberikan kata-kata semangat kepada murid agar terus aktif dalam bidang kesukanan. Menariknya, acara perasmian dilakukan dengan menggunakan gimik sambil ditemani beberapa murid yang memakai kostum haiwan yang direka khas mengikut tema sukan tahunan pada tahun ini.

Selesai Acara Perasmian, acara diteruskan dengan persembahan dari murid Tadika Islam AL Imtar. Dalam Temasya Sukan kali ini, Sebanyak 3 buah rumah sukan mengambil bahagian. Sebanyak 20 acara dipertandingkan melibatkan semua murid bermula dari Tadika hingga Tahun Enam serta pelajar Tahfiz. Terdapat juga beberapa acara untuk ibu bapa, guru dan kakitangan Al Imtar bagi memeriahkan lagi suasana selain dilaksanakan juga cabutan bertuah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih.

Temasya Sukan Tahunan Al Imtar Sesi 2018, diakhiri dengan acara penyampaian hadiah kepada semua murid yang mengambil bahagian dalam acara yang dipertandingkan. Pada temasya sukan pada tahun ini, **Rumah Hijau** dinobat sebagai juara keseluruhan selepas menewaskan **Rumah Biru** dan **Rumah Merah**. Tahniah dan ribuan terima kasih kepada guru-guru dan kakitangan Al Imtar yang hadir dan bertungkus lumus memastikan kejayaan acara sukan tahunan kali ini.



## SUKAN TAHUNAN AL IMTAR 2018



# RAHMAN BROTHERS BIKE

Oleh : PN NORWIDAYANTY JUHARI

- Rahman Brothers Bikes mendapat 50 unit AP motosikal berkuasa tinggi pada bulan September 2014, Ini adalah hasil ilham Vice President, Puan Erni Ernawaty Dato' Hj Abdul Rahman.
- Rahman Brothers Bikes menceburi bidang motosikal berkuasa tinggi kerana ketika itu kurang pesaing dalam Lembah Klang.
- Ramai dikalangan remaja berminat untuk memiliki motosikal berkuasa tinggi, tetapi tidak mampu untuk memiliki kerana harga pasaran di Malaysia terlalu tinggi.

Pada peringkat awal Rahman Brothers Bikes telah mengimport motosikal berkuasa tinggi:

- 2014 - 1st batch, 21 unit motosikal seperti BMW, Ducati, Honda, Kawasaki, Suzuki, Yamaha & Harley
- 2015 - 2nd batch, 27 unit motosikal BMW, Ducati, Harley, Honda, Kawasaki, Suzuki, Triumph & Yamaha
- 2015 - 3rd batch, 11 unit motosikal Kawasaki, Harley & Triumph
- 2016 - 4th batch, 15 unit motosikal Ducati, Harley, Honda, Kawasaki & Yamaha
- 2016 - 5th batch, 6 unit motosikal Harley, Ducati & Honda

Keseluruhan 80 unit motosikal

- Dalam pada masa, Rahman Brothers Bikes menyertai booth-booth bike week seluruh semenanjung antaranya KL Bike Week, Penang Bike Fest, PD international Bike Week, Bentong Bike Week
- Rahman Brothers Bikes juga ada menganjurkan konvoi ke Penang, Kelantan, Port Dickson, Johor bagi merapatkan silatulrahim bersama-sama rakan bikers.
- Ride amal bersama-sama rakan bikers, berbuka puasa bagi meraikan anak-anak yatim, meraikan anak-anak syndrome down, mengedarkan bubur lambok kepada penunggang motosikal semasa bulan puasa di tol batu 3 dan tol duta, penyerahan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Sg Besi.



▲ Antara motosikal berkuasa tinggi yang terdapat di pusat pameran RB Bikes.



▲ Pameran jualan di Celebri Bazaar di Dataran Underground, Dataran Merdeka.



▲ Jelajah promosi kumpulan motosikal berkuasa tinggi ke pusat pameran RB Bikes di Kelana Jaya.



▲ Pameran jualan RB Bikes di Kuala Lumpur Bike Week 2014 di Lanai MATIC, Kuala Lumpur.



▲ Proses pemindahan semua motosikal ke pusat pameran baharu di Wisma Rahman Brothers, Shah Alam pada tahun 2015.



▲ Penghargaan buat RB Bikes dalam menyokong program Jelajah Promosi Ulangtahun yang ke-30 Wings di PD Bike Fest 2015.



▲ Gambar kenangan ketika Rahman Brothers Auto Carnival 2015.

# SPACE FOR RENT

HALL | TRAINING ROOM | CONFERENCE ROOM



FULLY  
AIR-CONDITIONED  
AREA



RESTROOMS



MUSOLLA



PARKING AREA



OFFICE ROOMS

44 ft. x 83 ft.

13.6 m x 25.5 m

346.11 m<sup>2</sup>

3,725.50 sf.

MULTI-PURPOSE SPACE WITH BASIC FACILITIES SUITABLE BIG EVENTS



CONFERENCE ROOM



TRAINING ROOM

MULTI-PURPOSE ROOM SUITABLE FOR TRAINING ACTIVITIES, WORKSHOPS, SEMINARS, MEETINGS, BRIEFINGS ETC.

#### ROOM FULLY EQUIPED WITH:

- Tables & Chairs
- PA's System & Wireless Microphones
- Whiteboard & Projector Screen
- Projector
- Fully Air-Conditioned

#### FACILITIES:

- Secured Parking Area
- Lounge
- Musolla
- Mini Cafe
- Restroom

WISMA RAHMAN BROTHERS

NO. 6, PERSIARAN JUBLI PERAK, SEKSYEN 22,  
40300 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

ENQUIRIES: INTAN

03-5614 2222 / 012-2727 260



Wisma Rahman Brothers



rahmanbrothers



@rahmanbrothersevent

# PENGIMPORT KERETA & MOTOSIKAL TERPAKAI BERKUALITI, PUSAT 3S PROTON & SUZUKI

PENGALAMAN KAMI SELAMA LEBIH 40 TAHUN



## IBU PEJABAT

No.6, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 22, 40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.  
Tel: +603 5614 2222

## CAWANGAN

PULAU PINANG Tel: +604 501 7373

KEDAH Tel: +604 777 3737

JOHOR Tel: +607 238 7679

[f rahmanbrothers](#) [rahmanbrothersmotor](#) [issuu.com/rahmanbrothers](#)